



## **GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN TAHUN 2024**

### **1.0 TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Jabatan/ Bahagian/ Agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengenai objektif, bidang dan kategori, syarat penyertaan dan format dokumentasi projek bagi Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KBS Tahun 2024.

### **2.0 PENGENALAN**

**Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif Kementerian Belia dan Sukan (KIK KBS)** diadakan bertujuan sebagai satu usaha untuk meningkatkan penyertaan anggota perkhidmatan awam dalam aktiviti penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti Jabatan/ Agensi Kerajaan. Pengajuran Pertandingan KIK KBS dilihat dapat mengubah dan memperkenalkan cara kerja baharu yang lebih cekap dan berkesan serta menghasilkan *output* dan *outcome* yang lebih baik.

### **3.0 OBJEKTIF**

Objektif KIK KBS adalah untuk:

- 3.1 Menggalakkan penghasilan idea-idea inovasi dan kreatif serta berpotensi untuk direplikasikan dan dikomersialkan;
- 3.2 Memberi pendedahan kepada Jabatan/ Bahagian/ Agensi mengenai pelaksanaan KIK KBS sebagai alat untuk membudayakan kreativiti dan inovasi dalam melaksanakan proses kerja bagi meningkatkan kecekapan;
- 3.3 Mengukuhkan semangat berpasukan dan harmoni antara warga organisasi; dan
- 3.4 Memberi pengiktirafan kepada pelaksanaan inovasi di bawah KBS.

### **4.0 BIDANG DAN KATEGORI PERTANDINGAN**

Bidang dan Kategori KIK KBS adalah berdasarkan Pekeliling Transformasi Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2016 Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif.

- 4.1 Inovasi melalui konteks Horizon Baharu KIK terbahagi kepada dua bidang inovasi iaitu:

#### **(i) Inovasi Sosial**

Bidang inovasi sosial merangkumi **kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat**. Fokus pelaksanaan inovasi sosial tidak hanya kepada pencapaian impak sosial semata-mata, malah memberikan penekanan kepada proses penglibatan rakyat dalam membangunkan sesuatu inovas

## **(ii) Inovasi Penyampaian Perkhidmatan**

Inovasi penyampaian perkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mentransformasikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Inovasi ini bermatlamat meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan ke arah penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan lancar serta meningkatkan kepuasan hati pelanggan. Ciri-ciri utama inovasi penyampaian perkhidmatan adalah seperti yang berikut:

- Memberi impak ketara dan positif kepada pelanggan;
- Meningkatkan kecekapan dan mengoptimumkan kos dalam menangani kekangan sumber kewangan dan sumber manusia;
- Memperkenalkan pendekatan penyampaian perkhidmatan baharu atau memantapkan kaedah semasa yang kurang berkesan; dan
- Memanfaatkan teknologi terkini.

4.2 Projek KIK boleh dikelaskan kepada dua kategori inovasi setelah pemilihan bidang inovasi seperti yang berikut:

### **(i) Inovasi Penciptaan**

Penciptaan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses yang baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia.

### **(ii) Inovasi Penambahbaikan**

Penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif agar menjadi lebih berkualiti serta berdaya saing.

4.3 Kumpulan projek KIK KBS tahun 2024 boleh dibentuk secara:

### **(i) KIK Primer**

Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada **sekurang-kurangnya dua (2) orang** tetapi **tidak melebihi sepuluh (10) orang** daripada agensi sama yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK.

## **5.0 SYARAT PENYERTAAN**

Syarat penyertaan KIK KBS adalah seperti berikut:

- 5.1 Penyertaan adalah dibuka kepada kumpulan KIK daripada Jabatan/ Bahagian/ Agensi di bawah KBS;
- 5.2 Projek KIK yang telah dipertandingkan pada 2023 tidak layak menyertai pertandingan ini;
- 5.3 Projek KIK tersebut hendaklah belum pernah dipersembahkan oleh kumpulan dalam mana-mana pertandingan KIK peringkat Wilayah Persekutuan/ Negeri/ Kebangsaan pada tahun-tahun sebelumnya. Projek kumpulan mestilah telah selesai dilaksanakan sebelum Pertandingan KIK pada tahun semasa;

- 5.4 Penetapan bidang dan kategori inovasi adalah berdasarkan jenis projek KIK yang dilaksanakan. Penganjur berhak menukar kategori penyertaan berdasarkan kesesuaian projek; dan
- 5.5 Setiap Jabatan/ Bahagian/ Agensi dibenarkan menghantar:
  - (i) Minimum satu (1) projek KIK Primer sama ada dalam bidang Inovasi Sosial (Kategori Penciptaan atau Penambahbaikan) atau dalam bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Kategori Penciptaan atau Penambahbaikan).

## **6.0 PENDAFTARAN PENYERTAAN**

Kumpulan KIK yang berminat boleh mendaftarkan penyertaan boleh berhubung dengan Unit Inovasi dan Kualiti, Bahagian Khidmat Pengurusan.

## **7.0 FORMAT DOKUMENTASI PROJEK**

Format dokumentasi projek KIK adalah seperti dalam **Lampiran A**.

## **8.0 PENGHANTARAN DOKUMENTASI DAN VIDEO PROJEK**

Semua dokumentasi dan video projek penyertaan hendaklah **dimuat naik secara dalam talian** melalui pautan <https://forms.gle/scemyf7FrcCgVE7f7> sebelum atau pada **02 September**.

## **9.0 TARIKH TUTUP PENYERTAAN**

Tarikh tutup penyertaan adalah pada **September**. Sebarang penyertaan yang diterima selepas daripada tarikh tersebut akan **ditolak**.

## **10.0 MAKLUMAT PERHUBUNGAN**

Pertanyaan lanjut berhubung KIK KBS boleh dikemukakan melalui e-mel kepada [ahmadtirmidzi@kbs.gov.my](mailto:ahmadtirmidzi@kbs.gov.my) atau di talian **03-8871 3773/ 3525**.

**Urus Setia  
Seksyen Inovasi dan Kualiti  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Kementerian Belia dan Sukan**

## FORMAT DOKUMENTASI PROJEK

### **1.0 Ringkasan Eksekutif (300 – 500 patah perkataan / 1 muka surat)**

Ringkasan Eksekutif perlu ditulis dengan ringkas (bahasa yang mudah difahami) dan padat berdasarkan penulisan penuh dokumentasi projek, penyataan masalah atau subjek serta nyatakan solusi atau pencapaian dengan penjelasan keberhasilan (outcome) serta impak projek. Penggunaan grafik, hujah beserta maklumat yang ringkas dan tajuk kecil bagi menyusun tema ringkasan boleh digunakan bagi memudahkan kefahaman.

### **2.0 Perincian Projek (3,000 – 5,000 patah perkataan / 10 hingga 15 muka surat)**

Perincian projek berserta pembuktian disediakan berdasarkan kriteria seperti berikut:

**(i) Latar belakang kumpulan;**

**(ii) Signifikan pemilihan projek;**

- Kaitan dengan fungsi utama jabatan
- Memenuhi kehendak pelanggan dan stakeholder
- Kaitan dengan agenda nasional
- Kaedah pemilihan projek dan analisis:
  - Pembuktian melalui analisis (bagi tujuan penyelesaian)
  - Gunakan tools sebagai pemudah untuk kumpulan memilih projek
- Penyataan sasaran outcome dan impak
- Menepati lima (5) kriteria projek KIK iaitu:

Kriteria	Butiran
Kreatif dan inovatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Idea baharu yang kreatif diterjemahkan melalui penghasilan projek berinovatif yang memberi manfaat kepada organisasi dan pelanggan</li> </ul>
Impak positif yang tinggi dan menyeluruh	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Organisasi: meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan</li> <li>▪ Pelanggan: menepati standard perkhidmatan dan memenuhi harapan pelanggan</li> <li>▪ Rakyat: memastikan keperluan sosial rakyat dipenuhi</li> </ul>
Pulangan nilai terbaik	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penjimatan kos melalui pengoptimuman penggunaan sumber</li> <li>▪ Penjanaan atau peningkatan pendapatan</li> </ul>
Replikasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Projek berpotensi diadaptasi secara terus atau diubah suai mengikut keperluan agensi</li> </ul>
Pengkomersialan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penciptaan dan penyampaian nilai baharu kepada pelanggan di pasaran. Projek juga berupaya bersaing di pasaran serta mampu menjana pendapatan</li> </ul>

**(iii) Tindakan penyelesaian;**

- Penerangan mengenai strategi dan proses penyelesaian
  - Strategi pelaksanaan termasuk aplikasi penggunaan *tools*
  - Penghasilan, penyataan *output* dan pelaksanaan projek
  - Tempoh penghasilan projek
- Perakuan daripada pihak bertauliah/ berkuasa
- Pembuktian melalui perolehan data

**(iv) Impak projek;**

- Pencapaian *outcome*
- Faedah sampingan
- Pembuktian melalui data dan sumber rasmi

**(v) Keberhasilan projek (*outcome*);**

- Penilaian impak
- Faedah sampingan
- Pembuktian melalui data dan sumber rasmi

**(vi) Potensi pengembangan projek; dan**

- Tahap kemajuan ketersediaan teknologi/ sistem/ proses
- Tahap replikasi atau pengkomersialan

**(vii) Lampiran.**

**3.0 Format Dokumentasi Projek**

- (i) Dokumen hendaklah disediakan dalam **Bahasa Melayu**;
- (ii) Dokumen disediakan dengan menggunakan **huruf Arial**, saiz huruf yang digunakan adalah **12 poin, selang baris (line spacing) 1.15** dan teks ditaip **santak kiri dan kanan (justified)**;
- (iii) Dokumen hendaklah mempunyai **senarai kandungan** dan **bilangan muka surat**; dan
- (iv) **Bilangan maksimum muka surat bagi Ringkasan Eksekutif (1 muka surat), Perincian Projek (15 muka surat) dan Lampiran (30 muka surat).**



No :

(Untuk Kegunaan Pejabat)

**BORANG PENYERTAAN  
PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN TAHUN 2024**

KUMPULAN :  **KIK PRIMER**

BIDANG INOVASI :  **SOSIAL**  **PENYAMPAIAN**  
PERKHIDMATAN

KATEGORI :  **PENCIPTAAN**  **PENAMBAHBAIKAN**

NAMA PROJEK : \_\_\_\_\_

TARIKH MULA  
PROJEK : \_\_\_\_\_ TARIKH MULA  
PROJEK : \_\_\_\_\_

**LATAR BELAKANG KUMPULAN**

Nama kumpulan : \_\_\_\_\_

Jabatan/Agensi : \_\_\_\_\_

Alamat  
Jabatan/Agensi : \_\_\_\_\_

Nama Ketua  
Kumpulan : \_\_\_\_\_

No.Telefon Pejabat : \_\_\_\_\_ No.Telefon Bimbit : \_\_\_\_\_

E-mel : \_\_\_\_\_

Tarikh Kumpulan  
Ditubuhkan : \_\_\_\_\_

Bilangan Ahli : \_\_\_\_\_

Nama Ahli  
Kumpulan  
(sila lampirkan  
dalam  
lampiran B3) : \_\_\_\_\_  
**(Dilampirkan berasingan berserta gambar kumpulan)**

**LAMPIRAN B**

**PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB UNTUK DIHUBUNGI**

**Nama kumpulan** : \_\_\_\_\_

**Jawatan** : \_\_\_\_\_

**No.Telefon Pejabat** : \_\_\_\_\_ **No.Telefon Bimbit** : \_\_\_\_\_

**E-mel** : \_\_\_\_\_

**PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB UNTUK DIHUBUNGI**

Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar.

.....

**Nama** : \_\_\_\_\_ **Cop Rasmi**  
**Jabatan/ Bahagian/ Agensi**

**Jawatan** :

- Borang Penyertaan Pertandingan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) ini hendaklah dikemukakan sebelum atau pada 12 Jun 2024 (Rabu). Untuk sebarang pertanyaan sila berhubung dengan Puan Nurainolmardhiah binti Abdul Halim di talian 03-8871 3506 atau e-mel nurainolmardhiah@kbs.gov.my atau Encik Ahmad Tirmidzi bin Hashim di talian 03-8871 3773 atau e-mel ahmadtirmidzi@kbs.gov.my.

**LAMPIRAN D**

**KRITERIA DAN WAJARAN PENILAIAN PROJEK  
PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN TAHUN 2024**

ITEM	KRITERIA PEMILIHAN	SUB KRITERIA		WAJARAN
1	Latar belakang kumpulan & penglibatan pihak pengurusan <b>[4]</b>	a.	Maklumat kumpulan (borang penyertaan) & sokongan serta kelulusan pihak pengurusan tertinggi jabatan	4
2	Signifikan projek <b>[10]</b>	a.	Kaitan dengan fungsi utama jabatan/ organisasi	1
		b.	Memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh ( <i>stakeholder</i> )	2
		c.	Seajar dengan agenda dan matlamat nasional	2
		d.	Kaitan dengan keadaan dan ekosistem semasa	2
		e.	Kaedah pemilihan projek dan analisis	2
		f.	Penyataan sasaran <i>outcome</i> dan impak	1
3	Tindakan penyelesaian <b>[23]</b>	a.	Strategi penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan <i>tools</i>	8
		b.	Penghasilan dan pengujian prototaip	8
		c.	Perakuan daripada pihak bertauliah/ pihak berkuasa	3
		d.	Pelaksanaan inovasi	4
4	<b>KEBERHASILAN PROJEK</b>			
	4.1 Outcome projek <b>[35]</b>	a.	Pencapaian <i>outcome</i> dan pembuktian	25
		b.	Faedah sampingan (luar jangka)	10
	4.2 Impak projek <b>[18]</b>	a.	Penilaian impak dan pembuktian	14
		b.	Faedah sampingan (luar jangka)	4
5	Potensi Pengembangan Inovasi <b>[10]</b>	a.	Tahap ketersediaan teknologi/ sistem/ proses	4
		b.	Tahap replikasi atau pengkomersialan	6
<b>JUMLAH</b>				<b>100</b>

**LAMPIRAN C**

**SENARAI NAMA AHLI KUMPULAN  
PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN TAHUN 2024**

**Nama Jabatan/ Bahagian/ Agensi :**

**Tajuk Projek Inovasi :**

Bil.	Nama Penuh	No. Kad Pengenalan	No. Telefon	E-mel Rasmi
<b>Ketua Kumpulan</b>				
1.				
<b>Ahli Kumpulan</b>				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
10.				